

Nik Aziz enggan ulas dakwaan Mahathir

UM - 1 SEP 2002

KUALA LUMPUR 31 Ogos — Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat enggan mengulas dakwaan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bahawa kemenangan Pas pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit bulan lepas dibantu oleh pengundi hantu.

Menurutnya, beliau tidak mahu 'campur tangan' dalam isu tersebut kerana tidak mengetahuinya.

"Saya tak mahu campur tangan, itu saya tak tahu," katanya ketika dihubungi Minggu Malaysia di Kota Bharu hari ini.

Semalam, Dr. Mahathir berkata, kehadiran pengundi hantu itu dikesan daripada semakan yang dibuat ke atas senarai daftar pemilih yang digunakan pada pilihan raya kecil DUN berkenaan dan Parlimen Pendang di Kedah, yang lalu.

Presiden UMNO yang

membangkitkan perkara itu selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) menegaskan:

"Hanya dengan menyemak empat peti undi sahaja (daripada 14 peti undi) di Anak Bukit didapati lebih 500 pengundi bukan orang kawasan itu, tidak dilahir dan tidak bekerja di Anak Bukit tetapi menjadi pengundi dengan alamat kampung sahaja, tidak ada nombor rumah."